



Telefon: 03-88701373/1378

Telefax: 03-8888 6906

E-mail: pro@mafi.gov.my

Homepage: <http://www.mafi.gov.my>

SIARAN MEDIA

MAFI ANJUR WEBINAR SEKURITI MAKANAN NEGARA 2021 SECARA MAYA

PUTRAJAYA, 27 Mei -- Webinar Sekuriti Makanan Negara 2021 telah diadakan secara maya oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) pada hari ini. Webinar yang julung kali diadakan ini telah membincangkan isu, cabaran dan hala tuju sekuriti makanan negara meliputi aspek pemodenan, nutrisi dan sistem makanan.

Bertemakan "Sekuriti Makanan Negara: Merealisasikan Keperluan Rakyat", YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan dalam ucaptamanya yang dibacakan oleh Timbalan Menteri MAFI Datuk Seri Ahmad Hamzah menekankan beberapa aspek yang perlu diutamakan dalam memastikan sekuriti makanan negara terjamin.

Antaranya, keberadaan makanan yang selamat dengan harga berpatutan di pasaran; untuk meningkatkan pengeluaran makanan secara domestik; mengurangkan kebergantungan kepada import makanan dan guna tenaga asing; kesiapsagaan negara dalam menghadapi krisis sekuriti makanan; kerjasama dan komitmen daripada pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan kerajaan negeri dan rakyat serta kerjasama antara negara lain dalam bidang diplomasi makanan.

Tambah beliau, MAFI telah dan akan meneruskan usaha untuk memastikan bekalan makanan sentiasa mencukupi melalui hala tuju yang digariskan dalam

Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) 2021-2025 dan Dasar Agromakanan Negara 2.0, 2021-2030 (DAN 2.0).

Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) akan memberi penekanan kepada inisiatif untuk meningkatkan produktiviti, memperkasa sistem sokongan dan perkhidmatan serta memperkuuh rantaian nilai makanan ke arah meningkatkan daya tahan sistem makanan secara menyeluruh. Manakala, DAN 2.0 akan menyokong pelaksanaan agenda *Sustainable Development Goals* (SDGs) 2030 dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030, selain menyumbang kepada pencapaian aspirasi Malaysia dalam konteks ekonomi, pengurusan sosial dan kemampanan alam sekitar di bawah sektor agromakanan bagi tempoh sedekad yang akan datang.

Webinar ini telah dihadiri oleh beberapa pembentang yang terkenal dalam bidang masing-masing termasuk YBhg. Datuk Wira Dr. Hj. Rais Hussin Mohamed Ariff, Pengurus MDEC; YBhg. Prof. Dr. Jomo Kwame Sundaram, Penasihat Penyelidik, Institut Penyelidikan Khazanah; dan YBhg. Tan Sri Tony Fernandes, Ketua Pegawai Eksekutif, AirAsia Group Berhad. Selain itu, webinar ini juga mengetengahkan beberapa wakil industri yang berkongsi pengetahuan dan pengalaman mengenai sekuriti makanan daripada perspektif industri.

Semua cadangan dan input yang diterima melalui webinar ini akan dimanfaatkan oleh Kerajaan untuk menambahbaik cadangan pelan tindakan dasar sekuriti makanan negara dan turut dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (FSCC) yang akan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dalam masa terdekat.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
PUTRAJAYA. 27 MEI 2021**